

Berita Harian - Belanjawan 2019 Suntik Keyakinan Pelabur

 Rabu, Nov 07 2018

Belanjawan 2019 suntik keyakinan pelabur

BH 7/11/18

Pembentangan Belanjawan 2019 yang pertama di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan pada Jumaat lalu, terbukti menyuntik keyakinan semula peserta pasaran yang dipaparkan menerusi reaksi positif oleh pasaran saham dan ringgit.

Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, menyediakan peruntukan berjumlah RM314.5 bilion dan dirangka secara teliti dalam usaha membantu menseimbangkan disiplin fiskal dan pertumbuhan selain memastikan pembangunan yang menguntungkan rakyat.

Penganalisis Penyelidikan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), Adam Mohamed Rahim, berkata kalangan dana antarabangsa ternyata

kembali ke Bursa Malaysia apabila muncul sebagai pembeli bersih selepas melakukan aktiviti jualan selama empat minggu berturut-turut.

Malah, katanya, berdasarkan data awal Bursa Malaysia, dana asing terkumpul mencecah RM322.7 juta daripada ekuiti tempatan pada minggu lalu (29 Oktober hingga 2 November) yang mengimbangi RM310.1 juta aliran keluar dana pada minggu sebelumnya (22-26 Oktober).

Bagaimanapun, Kena Research berkata, angka defisit belanjawan yang lebih tinggi daripada jangkaan iaitu 3.7 peratus bagi 2018, berkemungkinan menjauhkan pelabur asing daripada pasaran ekuiti dalam jangka terdekat ini.

Bahagian penyelidikan itu berkata, ini disebabkan

oleh penyusutan nilai ringgit yang tinggi walaupun kerajaan terus berusaha memulihkan angka defisit itu dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

“Secara amnya, walaupun pasaran saham akan terus mencatat peningkatan semula namun tahap kenaikan itu mungkin lebih terbatas,” katanya.

Sementara itu, Ketua Global Strategi Mata Wang dan Penyelidikan Pasaran FXTM, Jameel Ahmad pula menyifatkan ketidakstabilan dialami ringgit pada minggu ini adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan pelabur sebagai satu perkembangan global dan sebarang perkembangan akan mempengaruhi sebahagian besar pergerakan aset pasaran sedang pesat membangun pada minggu ini.

BERNAMA

